Bicara Eksekutif: Mufti Bersama Masyarakat

Kepentingan Memahami Akidah Al-Asya'irah Dan Al-Maturidiyyah

HIMPUNAN FATWA-FATWA BERKAITAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Tarikh: 19 Oktober 2026 (Isnin)

Masa: 10.15 – 11.15 pagi

Tempat: Hotel Casuarina @ Meru, Bandar Raya Meru, Ipoh

Pembentang

Dr. Abdullaah Jalil

Pensyarah Kanan
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Felo Nadwah Ahli Sunnah Wal Jamaah Jabatan Mufti Perak Darul Ridzuan
Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang
Panel Pakar Syariah JAKIM

Kerangka Pembentangan

Pendahuluan

Definisi Umum Ahli Sunnah Wal Jamaah

Definisi Khusus Ahli Sunnah Wal Jamaah

Definisi Paling Khusus Ahli Sunnah Wal Jamaah

Kesinambungan Manhaj ASWJ Di Malaysia

Himpunan Fatwa ASWJ Di Malaysia

Kelantan; Johor; Negeri Sembilan; Kedah; Sabah; Terengganu; Melaka; Perak; JAKIM; Pahang; Muzakarah MKI; Selangor

PENDAHULUAN

Ahli Sunnah Wal Jama’ah di dalam Al-Quran

Janji Allah (Al-Ma’idah: 54): Membangkitkan golongan ASWJ yang akan membela agama Islam apabila munculnya golongan yang menyeleweng dan keluar dari agama Islam.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَن يَرْتَدَّ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَسَوْفَ يَأْتِى ٱللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى
ٱلْكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَآئِمٍ ۚ ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ٥٤

Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari agamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia (Allah); mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; kerana Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Meliputi PengetahuanNya.

Baginda Rasulullah ﷺ bersabda: “Mereka adalah kaummu, wahai Abū Mūsā.”

Dan Rasulullah ﷺmemberi isyarat dengan tangan Baginda ﷺ yang mulia nya kepada Abū Mūsā al-Ashʿarī رضي الله عنه.

T: (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 3147 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ، وَلَمْ يُخْرِجَاهُ); (Ibn Abi Shaybah (235H): Musannaf Ibn Abi Shaybah), No. 32800; (al-Ṭabarānī (360H): al-Muʿjam al-Kabīr), No. 14439; (Abū Nuʿaym al-Aṣbahānī (430H): Akhbār Asbahān), No. 109; (al-Khaṭīb al-Baghdādī (463H): Tārīkh Baghdād), No. 330; (Ibn ʿAsākir (571H): Tārīkh Dimashq), No. 31920 & 50770 dan lain-lain.

Definisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah


Tiga Pendekatan Para Ulama'

1. Definisi Umum
2. Definisi Khusus
3. Definisi Paling Khusus

DEFINISI UMUM

AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Definisi Umum Ahli Sunnah Wal Jamaah



Lafaz "Ahli"

Bil.	Makna	Contoh	
1.	Pemilik	*Ahl al-Ilm*	Orang yang memiliki ilmu
2.	Orang yang layak	*Ahl al-Ijtihad, al-'Aqd*	Orang yang layak berijtihad, berkontrak
3.	Penduduk	*Ahl Makkah; Ahl al-Wabar; Ahl al-Madar*	Orang yang tinggal di Mekah; penduduk bandar; penduduk kampung
4.	Isteri, keluarga dan kaum kerabat	*Ahl al-Rajul*	Isteri, keluarga dan kaum kerabat lelaki itu.

SEORANG MUSLIM YANG MEMILIKI "SUNNAH DAN JAMA'AH"

Ahli

Seorang Muslim yang memiliki

Sunnah

Wal

Jamaah

Lafaz "Sunnah"

Bil.	Definisi	Disiplin Ilmu
1.	Perkataan, perbuatan dan perakuan Rasulullah ﷺ	Ulama' Usul al-Fiqh
2.	Perkataan, perbuatan, perakuan dan sifat Rasulullah ﷺ	Ulama' Hadith
3.	Amalan yang apabila dilakukan, diberi pahala dan apabila tidak dilakukan, tidak berdosa.	Ulama' Fiqh – Taklifi
4.	Amalan yang apabila dilakukan, diberi pahala dan apabila tidak dilakukan, tidak berdosa. Namun begitu, Rasulullah ﷺ lebih banyak melakukannya daripada meninggalkannya.	Sebahagian Ulama' Usul al-Fiqh
5.	Syariat yang sahih/ benar - Berlawanan dengan makna bid'ah secara umum.	Istilah Syariat Umum
6.	Akidah yang sahih/ benar - Berlawanan dengan bid'ah akidah secara khusus.	Istilah Akidah Khusus

Sebahagian ulama' muta'akhirin mula mengkhususkan istilah al-sunnah dan al-bid'ah di dalam perkara-perkara aqidah kerana ia adalah merupakan asas agama dan kesalahan padanya adalah kesalahan yang besar. **Ini adalah kerana makna perpecahan umat itu lebih jelas dan kuat pada perpecahan aqidah.** Imam Ibn Rajab al-Hanbali menyebut:

وَكَثِيرٌ مِنَ الْعُلَمَاءِ الْمُتَأَخِّرِينَ يَخُصُّ اسْمَ السُّنَّةِ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِالِاعْتِقَادَاتِ، لِأَنَّهَا أَصْلُ الدِّينِ، وَالْمُخَالِفُ فِيهَا عَلَى خَطَرٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: "Dan ramai dari kalangan para ulama' terkemudian mengkhusukan nama al-Sunnah dengan apa yang berkaitan dengan kepercayaan-kepercayaan aqidah, kerana sesungguhnya ia adalah asas agama dan seseorang yang bertentangan (dengan al-Sunnah) padanya berada di atas bahaya yang amat besar."

R: Ibn Rajab al-Hanbali- Jami^{c} al-^{c}Ulum wa al-Hikam.

Dalam hal ini, al-Sunnah memberi maksud: **Aqidah yang sahih berdasarkan sumber-sumberNya.**

Bagi makna yang ketujuh ini, al-Imam al-Hafiz Ibn Rajab al-Hanbali menyebut:

ما سلم من الشبهات في الاعتقادات، خاصة في مسائل الإيمان بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر، وكذلك في مسائل القدر، وفضائل الصحابة

Maksudnya: "Apa yang sejahtera daripada unsur-unsur shubhat dalam perkara berkaitan aqidah, khususnya yang berkaitan dengan masalah-masalah keimanan dengan Allah, para mala'ikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, dan hari akhirat, dan begitu berkaitan dengan masalah-masalah taqdir dan kemuliaan para sahabat."

R: (كشف الكربة في وصف أهل الغربة)

“**PEMILIK (SEORANG MUSLIM YANG MEMILIKI) AKIDAH YANG BENAR MENEPATI AKIDAH RASULULLAH ﷺ**” DAN JAMA’AH.

Ahli

Seorang Muslim yang memiliki

Sunnah

akidah yang benar menepati **akidah Rasulullah ﷺ**

Wal

Jamaah

Lafaz “Al-Jama’ah”

Empat makna bagi “al-Jama’ah” ialah:

1. Para sahabat Rasulullah ﷺ
2. Para imam dan ulama’ mujtahid yang muktabar daripada kalangan generasi Salaf dan generasi Khalaf.
3. Golongan yang paling ramai daripada kalangan umat Islam.
4. Mereka yang bersepakat/berhimpun untuk (memberi ketaatan kepada) pemerintah yang sah di sisi Syariat.

Rumusan:
Definisi Umum Ahli Sunnah Wal Jamaah

Ahli	Sunnah	Wal	Jamaah
Seorang Muslim yang memiliki	akidah yang benar menepati **akidah Rasulullah** ﷺ	dan	akidah para **Sahabat** رضي الله عنهم, akidah **para ulama' dan mujtahid muktabar** daripada kalangan generasi **Salaf** dan **Khalaf** & akidah **majoriti umat Islam**.

“Sunnah” dan “Jamaah” Tidak Terpisah

- Berdasarkan definisi umum Ahli Sunnah Wal Jamaah yang telah dihuraikan, kita dapat memahami bahawa:
  - “Sunnah” dan “Jamaah” tidak pernah terpisah sejak dahulu sehingga kini dan seterusnya.
  - “Sunnah” dan “Jamaah” tidak akan saling bertentangan.
  - “Jamaah” adalah merupakan jalan kepada “Sunnah” .
- Pendekatan “melaga-lagakan” di antara “Sunnah” dan “Jamaah” ialah pendekatan golongan ahli bidaah.

DEFINISI KHUSUS

AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Definisi Khusus Ahli Sunnah Wal Jamaah

Definisi ASWJ yang dilihat dari aspek tertentu:

1. **Masa/ Zaman/ Generasi**
2. **Manhaj**
3. **Madrasah / Mazhab**
4. **Mazhab Fiqh**
5. **Tugas dan Peranan**


[1] Dari Sudut Masa


Dari sudut masa, golongan Ahli Sunnah Wal Jama'ah boleh dibahagikan kepada:

- Generasi Salaf (Ṣāliḥ):
  - mereka yang hidup pada tiga kurun Hijrah yang pertama (1 Hijrah sehingga 300 Hijrah) atau mereka yang terdiri daripada generasi Sahabat, tābiʿīn dan tābiʿī al-tābiʿīn.

- Generasi Khalaf (Ṭayyib):
  - mereka yang hidup selepas generasi Salaf sehingga kini.

Para Ulama' Salaf Soleh dan Khalaf Tayyib adalah Jalan dan Jambatan Kita kepada Rasulullah ﷺ







[2] Dari Sudut Manhaj

Dari sudut manhaj akidah, golongan Ahli Sunnah dan Jamaah boleh dibahagikan kepada:

- Naqli:
  - golongan yang hanya merujuk kepada dalil-dalil naqli.
- Aqli dan Naqli:
  - golongan yang menggabungkan dalil-dalil aqli dan naqli. Ini adalah pendekatan **majoriti** para ulama' ASWJ.
- Aqli, Naqli dan Kashfi:
  - golongan yang bermula dengan aqli dan naqli, kemudian berakhir dengan jalan kashfi. Mereka adalah golongan Ṣūfiyyah.

[3] Dari Sudut Madrasah Akidah

Dari sudut madrasah akidah, golongan Ahli Sunnah dan Jamaah boleh dibahagikan kepada:

- Al-Ashāʿirah: golongan yang mengikut manhaj Imam Abū al-Ḥasan al-Ashʿarī (Aqli dan Naqli).
- Al-Māturīdiyyah: golongan yang mengikut manhaj Imam Abū al-al-Manṣūr al-Māturīdī (Aqli dan Naqli).
- Al-Athariyyah: golongan yang mengikut manhaj Imam Aḥmad bin Ḥanbal (Naqli sahaja).
- Al-Ṣūfiyyah: sebahagian ulama' menjadikan para ulama' Ṣufiyyah sebagai salah satu cabang madrasah ilmu (bukan amali semata-mata) bagi akidah ASWJ kerana mereka mempunyai manhaj kashfī atau tauhid shuhūd atau dhawqī.

[4] Dari Sudut Mazhab Fiqh Masa Kini


Dari sudut madrasah mazhab fiqh, golongan Ahli Sunnah dan Jamaah boleh dibahagikan kepada:

- Ḥanafiyyah: umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Abū Ḥanīfah.
- Mālikiyyah: umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Mālik bin Anas al-Madanī.
- Shāfiʿiyyah: umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfiʿī.
- Ḥanābilah: umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Aḥmad bin Ḥanbal.

[5] Dari Sudut Peranan

Dari sudut peranan dan tugas, golongan Ahli Sunnah dan Jamaah boleh dibahagikan kepada:

- Ulama’ Tauhid (Akidah)
- Ulama’ Fiqh
- Ulama’ Hadith
- Ulama’ Bahasa dan Sastera Arab
- Ulama’ Al-Quran
- Ulama’ Tasawuf
- Para pejuang (mujāhid)
- Masyakat umum dan pemerintah [yang zahir di kalangan mereka syiar Ahli Sunnah Wal Jama’ah]



Al-Farq bayn al-Firaq

Al-Imam al-Usuli al-Mutakallim al-Faqih Abu Mansur, ‘Abd al-Qahir al-Baghdadi al-Shafi’i al-Ash’ari (w.429H)

Rumusan:
Definisi Khusus* Ahli Sunnah Wal Jamaah

1	2	3	4	5
Zaman dan Generasi	Manhaj Akidah	Madrasah Akidah	Mazhab Fiqh	Sumbangan dan Peranan
[1] Salaf [Soleh] [2] Khalaf [Tayyib]	[1] Naqli + Aqli [2] Naqli [3] Naqli + Aqli + Kashfi (Qalbi)	[1] Al-Asha'irah [2] Al-Maturidiyyah [3] Al-Athariyyah [4] Al-Sufiyyah	[1] Syafie [2] Hanafi [3] Maliki [4] Hanbali	[1] Ulama' Tauhid (Akidah) [2] Ulama' Fiqh [3] Ulama' Hadith [4] Ulama' Bahasa dan Sastera Arab [5] Ulama' Al-Quran [6] Ulama' Tasawuf [7] Para pejuang (mujāhid) [8] Masyakat umum dan pemerintah


*Mendefinisikan ASWJ dari Perspektif Tertentu

PENUNTUT ILMU

DEFINISI PALING KHUSUS

AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Definisi Paling Khusus bagi ASWJ



- Definisi ini merujuk kepada para ulama' Al-Asha'irah dan Al-Maturidiah.
- Definisi ini digunakan dan dinyatakan oleh para ulama' Islam di dalam kitab-kitab mereka setelah kemunculan Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi serta para ulama' Al-Asha'irah dan Al-Maturidiah.

- Ulama’ Al-Asha’irah dan Al-Maturidiah merupakan majoriti ulama’ Islam yang merangkumi ulama’ empat mazhab Fiqh ASWJ: Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali, ulama’ tafsir, ulama’ hadis, ulama’ tasawuf, ulama’ bahasa arab, dan seluruh cabang ilmu Islam.

- Ulama’ Al-Asha’irah dan Al-Maturidiah merupakan ulama’ yang menumpukan usaha mereka dalam bidang akidah ASWJ dan memberikan sumbangan paling besar dan ketara dalam bidang ini.

- Mereka sangat berjasa dalam mendepani firqah-firqah sesat yang muncul dan menolak syubhat-syubhat yang ditimbulkan oleh golongan yang menyeleweng.

Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari dan Para Ulama' Al-Asha'irah

- Mereka membawa akidah Rasulullah ﷺ, para Sahabat dan para Ulama' Salafus Soleh.
- Mereka tidak membawa sebarang akidah baru.

Sumbangan Mereka

Menerangkan dan mempertahankan asas-asas akidah yang menjadi pegangan Rasulululullah ﷺ, para Sahabat, dan para Ulama' Salafus Soleh

Menggabungkan pendekatan naqli dan aqli dan mengharmonikan wahyu dan akal dalam memahami agama.

Menyusun dalil-dalil naqli dan aqli bagi menolak syubat golongan sesat dan kufur


Tokoh besar ulama’ Islam, tunggak fatwa dalam mazhab Syafie, al-Imām Shaykh al-Islām Shihāb al-Dīn Ibnu Ḥajar al-Haytamī al-Makkī (w.974H) menyebut di dalam kitabnya yang masyhur “al-Zawājir ʿan Iqtirāf al-Kabāʾir”:

اَلْمُرَادُ بِالسُّنَّةِ: مَا عَلَيْهِ إِمَامَا أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ الشَّيْخُ أَبُو الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيُّ وَأَبُو مَنْصُورٍ الْمَاتُرِيدِيُّ

“Maksud yang dikehendaki dengan [ahli] Sunnah [Wal Jamaah] adalah akidah yang dipegang oleh dua orang Imam Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu:

[i] [al-Imam] al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash’ari dan

[ii] [al-Imam al-Shaykh] Abu Mansur al-Maturidi.”






Al-Imām al-Mujaddid [Kurun Ke-12] Shaykh al-Islām Imām al-Musnidīn Khātimat al-Muḥaddithīn al-Ḥāfiẓ al-Faqīh al-Lughawī al-Sayyid Murtaḍā al-Zabīdī al-Ḥusaynī (w.1205H) menyebut di dalam kitabnya “Itḥāf al-Sādah al-Muttaqīn fi Sharḥ Ihyā’ ʿUlūm al-Dīn,” Jil. 2/14, hal. 8:

إِذَا أُطْلِقَ أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ فَالْمُرَادُ بِهِمْ الْأَشَاعِرَةُ وَالْمَاتُرِيدِيَّةُ

“Apabila disebut Ahli Sunnah Wal Jamaah secara mutlak, maka golongan yang dimaksudkan dengan mereka adalah: Al-Ashāʿirah dan Al-Māturīdiyyah.”

Imam bagi para fuqahaʾ Ḥanafiyyah pada zamannya, Faqīh al-Diyār al-Shāmiyyah, al-Imām al-ʿAllāmah, Muḥammad Amīn bin ʿUmar, Ibnu ʿĀbidīn al-Ḥanafī al-Ashʿarī al-Ḥusaynī (w.1252H) menyebut di dalam kitab hashiyahnya yang amat masyhur, “Radd al-Muḥtār ʿalā al-Durr al-Mukhtār”, Jil. 1/6, hal. 49, Dār al-Fikr (1966):




“Ahli Sunnah Wal Jamaah: mereka itu adalah Al-Ashāʿirah dan Al-Māturīdiyyah.


Dan mereka bersepakat [pada iktikad mereka] melainkan pada beberapa masalah yang ringan. Sebahagian mereka [daripada kalangan para ulamaʾ] merujuk masalah-masalah tersebut kepada perbezaan lafaz semata-mata [dan bukan perbezaan hakiki], sepertimana yang telah diterangkan di tempat [perbincangan]nya.”

أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ وَهُمُ الْأَشَاعِرَةُ وَالْمَاتُرِيدِيَّةُ، وَهُمْ مُتَوَافِقُونَ إِلَّا فِي مَسَائِلَ يَسِيرَةٍ، أَرْجَعَهَا بَعْضُهُمْ إِلَى الْخِلَافِ اللَّفْظِيِّ، كَمَا بُيِّنَ فِي مَحَلِّهِ

Pendekatan Yang Seimbang Dan Menyeluruh



Manhaj Penulisan Kitab Aqidah Yang Paling Lengkap



Al-ʿAllāmah Shahīd al-Miḥrāb Prof. Dr. Muḥammad Saʿīd Ramaḍān al-Būṭī (1347H/1929M - 1434H/2013M):

Al-Ashāʿirah dan al-Māturīdiyyah adalah Pembawa Akidah Al-Sawād Al-Aʿẓam

[Al-Sawād al-Aʿẓam adalah Wasiat Rasulullah ﷺ untuk Umat Baginda ﷺ Berpegang Dengannya Ketika Berlakunya Perpecahan Umat]



Khutbah Jumaat beliau bertajuk: "Al-Ashāʿirah dan Al-Māturīdiyyah" pada 20 Syawal 1425 Hijrah bersamaan 3 Disember 2004 Masihi

Al-Asha’irah: Kesinambungan Akidah Rasulullah ﷺ Para Sahabat dan Salafus Soleh

Tiga Kurun Pertama Era Salafus Soleh 1 H – 300 H

- Rasulullah ﷺ
- Para Sahabat
- Para Tabi’in
- Para Tabi’i al-Tabi’in

260 H – 324 H Salaf & Khalaf

- Imam Abu al-Hasan Al-Ash’ari


Era Khalaf Tayyib 301 H – 1446 H

- Ulama’ Al-Asha’irah dan Al-Maturidiyyah
- Kita Hari ini

Imam Abu Hanifah
Imam Malik
Imam Syafie
Imam Ahmad
Imam Al-Bukhari
Imam al-Junayd …

Abu al-Hasan al-Bahili
Al-Baqillani
Ibnu Furak
Abu Ishaq Al-Isfarayini
Imam al-Haramayn al-Juwayni
Al-Ghazali
Ibnu ‘Asakir
Al-Nawawi
Taqiyy al-Din al-Subki
Taj al-Din al-Subki
Ibnu Hajar Al-’Asqalani
Jalal al-Din Al-Suyuti
Ibnu Hajar Al-Haytami …
Para Ulama’ Melayu …

Rumusan: Definisi Paling Khusus Ahli Sunnah Wal Jamaah



AL-ASH'AIRAH DAN AL-MATURIDIYYAH

Sejarah Ahli Sunnah Wal Jama'ah

Rasulullah ﷺ → Para Sahabat → Para Tabi'in → Para Tabi'i al-Tabi'in

Fitnah Nabi-Nabi Palsu

Fitnah Golongan Tidak Membayar Zakat
Firqah Khawarij

Firqah Syiah

Firqah Qadariyyah

Firqah Murji'ah

Firqah Mu'attilah

Firqah Jahmiyyah

Firqah Mujassimah dan Mushabbihah

Firqah Wasiliyyah (Awal Muktazilah)

Fitnah Khalq Al-Quran - Muktazilah

Firqah Najjariyyah

Firqah Karramiyyah (Mujassimah)


Fitnah Ghulat al-Hanabilah

Ulama' pertama diberi gelaran "Imam Ahli Sunnah Wal Jama'ah"

Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi

Al-Asha'irah dan Al-Maturidiyyah (Majoriti Ulama' Islam dalam Pelbagai Bidang Ilmu Islam)

Imam Abu al-Hasan Al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi: Akhir Era Salaf dan Awal Era Khalaf



*Hikmah ilahi: Kedua-dua Imam Utama Ahli Sunnah Wal Jamaah hidup di akhir era Salaf dan awal era Khalaf. Mereka menjadi penghubung antara generasi Salaf Soleh dan Khalaf Tayyib. [Alhamdulillah]

Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi

- Mereka membawa akidah Rasulullah ﷺ para Sahabat dan para Ulama' Salafus Soleh.
- Mereka tidak membawa sebarang akidah baru.


Sumbangan Mereka

Menerangkan dan mempertahankan asas-asas akidah yang menjadi pegangan Rasulululllah ﷺ para Sahabat, dan para Ulama' Salafus Soleh

Menggabungkan pendekatan naqli dan aqli dan mengharmonikan wahyu dan akal dalam memahami agama.

Menyusun dalil-dalil naqli dan aqli bagi menolak syubat golongan sesat dan kufur

Imam Abu al-Hasan Al-Ash'ari dan Tokoh Paling Utama ASWJ Al-Asha'irah dalam Kurun Ke-4 Hijrah



Tokoh Pemimpin Ahli Sunnah Wal Jama'ah Al-Asha'irah dan Al-Maturidiyyah

Al-Malik al-ʿAdl Amīr al-Muʾminīn Taqiyy al-Mulūk Layth al-Islām Nūr al-Dīn Abū al-Qāsim Maḥmūd Zinkī (511H – 569H)

Pejuang, pemimpin yang adil lagi warak, mempunyai jasa yang amat besar dan menubuhkan Dar al-Hadith yang pertama dalam dunia Islam buat gurunya al-Hafiz Ibnu 'Asakir al-Ash'ari

Al-Sultan Al-Fatih Ṣalāḥ al-Dīn Al-Ayyūbī (532H-589H)

Pembuka Baitul Maqdis dari tangan tentera salib, pecinta para ulama' dan menubuhkan institusi ilmu dan ibadah

Al-Malik al-Ashraf Abū al-Fatḥ Muzaffar al-Dīn Sharaf al-Dīn Mūsā al-Ayyūbī (578H – 635H)

Pengasas Dar al-Hadith al-Ashrafiyyah di Damsyik yang merupakan institusi hadis kedua tertua di dunia tetapi paling berpengaruh dan berjasa bagi perkembangan ilmu hadis.

Ṣaḥib al-Bishārah al-Malik al-Mujāhid wa al-Sulṭān al-Ghāzī Abū al-Fatḥ wa al-Maʿālī Muḥammad al-Fātiḥ (833H – 886H)

Pembuka kota Kostantinopel yang dipuji oleh Rasulullah ﷺ sebagai sebaik-baik Amir.

Pusat Penfatwaan Umum (Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm) Jordan (2023) menyebut di dalam kitab terbitannya "Aqīdat al-Muslim", muka surat: 88:

"Al-Ashāʿirah adalah merupakan majoriti umat Islam di segenap zaman dan sepanjang masa. Para ulama' dan fuqaha' daripada kalangan mereka adalah para pemimpin negara Islam dan ilmuan berwibawa yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam ilmu lagi dihormati.

Mereka adalah para pemimpin dan ulama' yang memainkan peranan dalam menubuhkan madrasah-madrasah [di dalam dunia Islam], dan mengarang [kitab-kitab dalam] pelbagai jenis bidang ilmu, serta mengajarkannya kepada para penuntut ilmu.

Dan mereka adalah [para pemimpin dan ulama'] yang memelihara hukum-hukum Syariat Islam serta mempertahankan agama Islam yang suci ini dan mereka begitu terkenal dengan keadilan dan kesaksamaan."

“**Al-Sultan Ṣalāḥ al-Dīn Al-Ayyūbī** (532H-589H) - semoga Allah merahmati beliau - adalah seorang yang BERMAZHAB SYAFIE dan BERAKIDAH ASHʿARĪ, dan beliau sangat mengambil berat tentang penyebaran aqidah [ASWJ] al-Imām [Abū al-Ḥasan] Al-Ashʿarī [di kalangan masyarakat Islam] - semoga Allah merahmati beliau.

Al-Sultan Ṣalāḥ al-Dīn Al-Ayyūbī telah memerintahkan para muazzin untuk membaca dengan suara yang kuat pada waktu tasbih (akhir malam) akidah [ASWJ] Al-Ashʿarīyyah. Baginda telah menugaskan para muazzin untuk membacanya pada setiap malam.

Al-Sultan Ṣalāḥ al-Dīn - semoga Allah meredai baginda - adalah seorang penghafal al-Quran dan juga penghafal kitab “al-Tanbīh” [karangan Imam al-Shīrāzī] di dalam fiqh mazhab Syafie. Baginda adalah seorang yang sangat kuat beragama (*dayyin*), seorang yang warak (*wariʿ*), seorang pejuang (*ghāzī*) dan ahli jihad (mujāhid), yang bertaqwa (*taqī*).”


Jaguh-jaguh Ulama’ Muslimin dalam Segenap Bidang Ilmu Islam adalah Ulama’ Al-Ashāʿirah dan Al-Māturidiyyah (hlm.171)

Al-Ashāʿirah adalah Majoriti Ulama’ Umat Islam Khususnya Majoriti Ulama’ Empat Mazhab Fiqh ASWJ (hlm.172)

Al-Ashāʿirah dan al-Māturīdiyyah adalah Majoriti Umat Islam, Ulama’ Yang Berwibawa dan Pembawa Akidah Rasulullah ﷺ (hlm.176)

Tokoh-tokoh Utama Ulama’ Al-Ashāʿirah di dalam Pelbagai Disiplin Penting Ilmu Syariah (hlm.177)

Pendekatan Yang Seimbang Dan Menyeluruh




Imam Al-Nawawi
Imam Ibnu Hajar Al-'Asqalani


Imam Al-Ghazali

Imam Fakhr al-Din al-Razi
Imam Sa'd al-Din al-Taftazani

Manhaj Penulisan Kitab Aqidah Yang Paling Lengkap



Al-Asha'irah: Kesinambungan Akidah Rasulullah ﷺ Para Sahabat dan Salafus Soleh




KESENIMBUNGAN MANHAJ ASWJ DI MALAYSIA

Wasiat TG Sheikh Abdullah Fahim



- “Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah was sholatu was salamu 'ala Sayyidina Muhammad wa 'ala alihi wa ashabihi.
- (Amma ba'd), tuan-tuan sedia maklum beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu seMalaya ini dari peringkat ke bawah hingga ke peringkat ke atas, awam-awam, qadhi-qadhi, ulama-ulama, menteri-menteri hingga raja-raja sekalian **<u>mereka itu bermazhab dengan mazhab al-Imam asy-Syafi`i ijma`an</u>** tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada mazhab Syafi`i ( yahrumu kharqul ijma` / diharamkan merobek ijma`).
- Ambil mereka itu hukum-hukum fiqh Syafi`i daripada kitab Tuhfah dan kitab Nihayah hingga kitab al-Umm dan mukhtasharatnya dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti Sabilal Muhtadin, Bughyatuth Thullab dan Mathla`ul Badrain dan lainnya.
- **<u>Usuluddin atas perjalanan Abu al-Hasan al-Asy`ari</u>** diambilkan daripada syuruh dan hawasyi Ummul Barahin dan Jawharah dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu.
- **<u>Ilmu tasawwuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali</u>** diambilkan daripada Minhajul 'Abidin, Ihya` Ulumiddin dan terjemahnya kepada Melayu seperti Siyarus Salikin.
- Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya segala hukum dalamnya kesemua mustanbath daripada Quran dan hadits yang dihalusi dan ditapis oleh ulama-u ajilla` (ulama yang cemerlang lagi terbilang) diamal dengan dia sudah lebih daripada 1000 tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun.”


Manhaj ASWJ di Tanah Melayu (Malaysia)
Iman
Islam
Ihsan
Akidah
Fiqah
Tasawuf
Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (w.324H)
Imam Al-Shafi'i (w.204H)
Imam al-Ghazali (w.505H)
Mujaddid Kurun ke-3
Mujaddid Kurun ke-2
Mujaddid Kurun ke-5



ISTANA ALAM SHAH
KLANG.

TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN SELANGOR DARUL EHSAN
SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH AL-HAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ
SELAKU PENGERUSI MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM (MKI)
SEMPENA MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM (MKI) KALI KE-69
TARIKH: 6 MAC 2023 BERSAMAAN
13 SYAABAN 1444H (KHAMIS)
MASA: 10 PAGI
TEMPAT: ISTANA MELAWATI, PUTRAJAYA
"MENDAULATKAN ISLAM, MEMPERKASAKAN MKI"


7. Meskipun Melaka secara politik jatuh pada tahun 1511, institusi Raja-Raja Melayu yang mewarisi aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, dengan berakidah Imam al-Ash'ari, fikah bermazhab Imam al-Syafi'i, dan tasawuf bertarekat Imam al-Ghazali, serta adat istiadat, budaya dan keilmuan daripada Melaka terus berkembang, malah berjaya membentuk wajah dan identiti tamadunnya yang tersendiri di dunia. Sesungguhnya, tradisi inilah yang menjadikan acuan dan amalan Islam di Negara kita yang amat unik dan istimewa, dan perlu dijadikan pedoman dalam membuat sebarang keputusan penting berkaitan institusi Islam di Malaysia. Walaupun ketika Negeri-Negeri di Semenanjung Tanah Melayu dijajah oleh kuasa Portugis, Belanda mahupun British, kuasa mutlak seseorang Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Islam tidak pernah berubah, malahan terus dikekalkan sehinggalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Hari Merdeka.

HIMPUNAN FATWA

AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

DI MALAYSIA

Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan Mendefinisikan **Ahli Sunnah Wal Jamaah** sebagai Mazhab **Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari**, **Imam Abu Mansur al-Maturidi** dan **Para Ulama' Yang Mengikut Manhaj Mereka Berdua (Al-Asha'irah dan Al-Maturidiah)**



UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN

CETAKAN SEMULA

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2008




اوندڠ٢ نکري کلنتن

چيتقن سمولا

اوندڠ٢ ڤرلمبکأن توبوه کراجأن کلنتن

مڠندوڠي سکالا ڤيندأن هيڠک 1 جانواري 2008


دچيتق دڠن
کواس کباوه دولي يڠ مها ملیا
منوروت ڤرکارا (1)65 بهاڬين ڤرتام
اوندڠ٢ ڤرلمبکأن توبوه کراجأن کلنتن



Pengertian

4. (1) Di dalam Bahagian ini, melainkan nasnya berkehendak pengertian yang lain—

"*Ahlu's Sunnah wal Jamaah*" maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha'ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya;



ڤڠرتين

4. (1) ددالم بهاڬين اين، ملاءينکن نصڽ برکهندق ڤڠرتين يڠ لاءين—

'اهل السنة والجماعه' معنىأن ايالـه مذهب ابو الحسن الاشعري دان ابو منصور الماتريدي دان اورڠ يڠ مڠيکوة ججق لڠکه کدواڽ؛

JOHOR DARUL TAKZIM
LUASKAN KUASAMU!

Negeri Johor:

Wilayah Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Asya'irah Dan Al-Maturidiyyah

UNDANG UNDANG NEGERI JOHOR

ENAKMEN NO. 16 TAHUN 2003

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

UNDANG UNDANG NEGERI JOHOR

ENAKMEN NO. 16 TAHUN 2003

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) PINDAAN (2014)

Penambahan Perincian Tafsiran "Hukum Syarak"

"Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali;

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2, Enakmen ibu dipinda dengan–

(*a*) menggantikan tafsiran "Hukum Syarak" dengan tafsiran yang berikut:

'"Hukum Syarak" ertinya dari segi pegangan akidah hendaklah berdasarkan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersumberkan aliran al-Asyairah dan al-Maturidiyah, dari segi syariah mengikut Mazhab Shafie atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali atau melalui Ijtihad hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa, atas syor Majlis, diperkenan oleh Raja dan diwartakan;'

Negeri Sembilan (2016):

Tafsiran Pegangan dan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah



Warta Kerajaan **Negeri Sembilan** Berkenaan Manhaj **Ahli Sunnah Wal Jamaah** (2024)

NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77 No. 43 | **21hb Oktober 2024** | *TAMBAHAN No. 7*

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang yang berikut akan dibentangkan dalam Dewan Negeri, Negeri Sembilan, adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill about to be introduced in the Legislative Assembly of Negeri Sembilan, is published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024	123
Administration of the Religion of Islam (Negeri Sembilan) (Amendment) Enactment 2024	169

21. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 47 dengan seksyen yang berikut:

"Jawatankuasa Fatwa.

47. (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa.

(2) Jawatankuasa Fatwa hendaklah dianggotai oleh orang Islam yang berpegang kepada *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dan hendaklah terdiri daripada—

(a) Mufti, sebagai Pengerusi;

15

Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 15

(b) Timbalan Mufti;

(c) dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;

(d) Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan atau wakil tetapnya yang mahir dalam Hukum Syarak;

(e) tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lapan orang yang mahir dalam Hukum Syarak yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Besar dengan persetujuan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, atas syor Majlis setelah berunding dengan Mufti; dan

(f) seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang dilantik oleh Mufti, yang hendaklah bertindak sebagai Setiausaha.

2 *Rang Undang-Undang*

(b) dengan memasukkan selepas takrif "ahli kariah" takrif yang berikut:

' "*Ahli Sunnah Wal Jamaah*" ertinya umat Islam yang berpegang dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak berasaskan pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* yang bersumberkan al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias dalam hal berkaitan dengan—

(a) akidah berdasarkan aliran *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiah;*

(b) fiqh dan syariah berdasarkan Mazhab *Shafie* atau dalam keadaan tertentu mengikut Mazhab *Hanafi, Maliki* atau *Hanbali*, atau melalui ijtihad hukum yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa atas syor Majlis dan diperkenan oleh Yang di-Pertuan Besar; dan

(c) tasawuf berdasarkan manhaj *Imam Junaid al-Baghdadi* dan *Imam al-Ghazali*, manakala aliran tasawuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ia tidak bertentangan dengan pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*;';

(c) dalam takrif "*Baitulmal*", dengan menggantikan perkataan "kumpulan wang" dengan perkataan "Kumpulan Wang Majlis";


(d) dengan memasukkan selepas takrif "Enakmen yang terdahulu" takrif yang berikut:

' "fitrah" ertinya zakat yang diwajibkan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan Islam yang berkemampuan dengan syarat dan kadar yang tertentu dan hendaklah dibayar pada bulan Ramadhan dan selewat-lewatnya sebelum melaksanakan solat sunat Aidilfitri pada 1 Syawal tahun hijrah berkenaan;

FATWA KEDAH (2016) (DIWARTAKAN):

PERINCIAN DAN TAFSIRAN AJARAN ISLAM AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

ALIRAN BERCANGGAH DENGAN ASWJ PERLU DICEGAH DAN DILARANG



WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

10hb Nov. 2016] 164

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Kedah Darul Aman hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah yang diamalkan sejak dahulu hingga sekarang berdasarkan perkara 33A Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah Tahun 1959 seperti berikut:

Aqidah

(a) dari segi aqidah, berpandukan kepada manhaj Imam Abu al-Hassan al-Asya'ari dan Abu Mansur al-Maturidi;

Syariat

(b) dari segi syariat, berpandukan kepada mazhab Imam al-Syafie, manakala tiga mazhab muktabar iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu; dan

Tasawuf

(c) dari segi tasawuf, hendaklah berpegang dengan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali, manakala aliran tasawwuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ia tidak bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

2. Aliran pemikiran dan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah perlu dicegah dan dilarang keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Kedah Darul Aman kerana ia boleh menimbulkan kecelaruan dan menjadi ancaman kepada keutuhan pegangan agama, perpaduan bangsa dan keamanan serta keselamatan negara.

Aqidah:	**Syariat**:	**Tasawuf**:
Manhaj Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi	**Mazhab Syafie dan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk bagi menyelesaikan masalah tertentu**	**Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali serta aliran tasawwuf muktabar**

WARTA KERAJAAN NEGERI SABAH BERKENAAN PEGANGAN DAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH (2017)

SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXII] KOTA KINABALU, KHAMIS, 7 SEPTEMBER 2017 [No. 35

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 273 [No. PMNS: (S): 600-1/2 JILID 15 (143)

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI "PEGANGAN DAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH"

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 telah bersidang pada 24-26 Mei 2016M/17-16 Muharam 1437H, bertempat di Mount Kinabalu Heritage Resort & Spa, Kundasang, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara "Pegangan Dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah" dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Ahli Sunnah wa al-Jama'ah merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Qur'an dan panduan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para ulama' Islam muktabar. Oleh itu, umat Islam hendaklah berpegang dalam hal berkaitan dengan;

Aqidah dan Tauhid

(a) Aqidah dan Tauhid, berdasarkan hanya kepada pegangan Imam Abu Hassan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.

Fiqh dan Syariah

(b) Fiqh dan Syariah, berdasarkan Mazhab Syafi'i di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan pandangan Imam-imam muktabar yang lain.

Tasawwuf


(c) Tasawwuf, berdasarkan manhaj sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.

2. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mengamalkan (termasuk mempercayai, berpegang, berkeyakinan dan seumpamanya) selain daripada perkara *(a)*, *(b)*, dan *(c)* adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

Akidah: Imam Al-Ash'ari dan Imam Al-Maturidi	Fiqh: Mazhab Syafi'i dan meraikan tiga mazhab ASWJ yang lain	Tasawwuf: Imam Junaid dan Imam Al-Ghazali

Warta Kerajaan Negeri **Terengganu** Berkenaan Manhaj **Ahli Sunnah Wal Jamaah** (2021)



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan
DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 74 No. 16 | **5hb Ogos 2021** | *TAMBAHAN No. 2*

No. 860.

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/2001M

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 49

MENURUT seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [*En.Tr.2/2001*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Terengganu, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 50(6) Enakmen itu.

JADUAL


PEGANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH BERPANDUKAN AJARAN AL-ASYA'IRAH DAN AL-MATURIDIAH

Ajaran al-Asya'irah dan al-Maturidiah.

Bahawasanya:

Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Terengganu Darul Iman hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diamalkan sejak dahulu hingga sekarang.

Dari segi akidah, ia hendaklah berpandukan kepada manhaj *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiah*.



WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

894 [5hb Ogos 2021

Dari segi syariat, ia hendaklah berpandukan kepada mazhab al-Syafie. Manakala mazhab-mazhab muktabar yang lain boleh dirujuk dan digunakan oleh pihak *Waliyul Amri* bagi menyelesaikan masalah-masalah tertentu.

Dari segi tasawuf pula, ia hendaklah berpegang dengan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali r.a. Manakala aliran tasawuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ia tidak bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah pegangan *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiah*.

Aliran pemikiran dan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu dicegah dan dilarang keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Terengganu Darul Iman kerana ia boleh menimbulkan kecelaruan dan menjadi ancaman kepada keutuhan pegangan agama, perpaduan bangsa dan keamanan serta keselamatan negara.

Keputusan yang dibuat bersandarkan Kitab *Ithaf al Sadah al Muttaqin bi Syarh Ihya' Ulumiddin*, Sayyid Muhammad bin Muhammad al Husayni al-Zabidi dan Kitab *Tarikh al-Madzahib al-Islamiah*, Syeikh Muhammad Abu Zahrah.

Bertarikh 8 Julai 2020
[JMN.TR.(S)610/2/3/1BHG.2(20)]

Dengan Titah Perintah,

DATO' DR. HAJI ZULKIFLY BIN HAJI MUDA
Dato' Mufti Negeri Terengganu
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Terengganu

اينكمن قنتديرن حال احوال اڬام اسلام
(ترڠڬانو)1422/2001M

فتوى دباوه سيكشن 49

منوروت سيكشن 49 اينكمن قنتديران حال احوال اڬام اسلام (ترڠڬانو) 1422H/2001M [*En.Tr.2/2001*] ، جاونتكواس فتوى باڬي نكري ترڠڬانو، اتس قرينته دولي يغمها مليا سلطان ميديا‌كن فتوى يڠ ديا‌تا‌كن دالم جدوال دان دسيار‌كن منوروت سبسيكشن 50(6) اينكمن ايت.

Dari segi Akidah → ia hendaklah berpandukan kepada manhaj **Al-Asya'irah** dan **Al-Maturidiah**

Dari segi Syariat (Fiqh) → ia hendaklah berpandukan kepada **mazhab al-Syafie**. Manakala mazhab-mazhab muktabar yang lain boleh dirujuk dan digunakan oleh pihak Waliyul Amri bagi menyelesaikan masalah-masalah tertentu.

Dari segi Tasawuf → ia hendaklah berpegang dengan **Imam Junaid al-Baghdadi** dan **Imam al-Ghazali** r.a. Manakala aliran tasawuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ia tidak bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah pegangan al-Asya'irah dan al-Maturidiah

Berpegang teguh dengan Ahli Sunnah wal Jamaah – Sultan Mizan



KOSMO!

16 September 2024, 2:07 pm

TERKINI NEGARA HALAL NIAGA K2 AURA HIBURAN DUNIA SU

Home » Berpegang teguh dengan Ahli Sunnah wal Jamaah – Sultan Mizan

NEGARA

Berpegang teguh dengan Ahli Sunnah wal Jamaah – Sultan Mizan

Oleh MOHD AZLI ADLAN 16 September 2024, 2:07 pm

Sultan Mizan (dua dari kanan) berkenan bersalaman dengan rakyat jelata yan menghadiri sambutan Maulidur Rasul peringkat Terengganu di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Nerus hari ini.


KUALA NERUS – Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah agar umat Islam sentiasa berpegang teguh dengan **akidah Ahli Sunnah wal Jamaah** bagi mengelakkan perpecahan dan perselisihan yang boleh merosakkan perpaduan ummah negara ini. …

"Ahli Sunnah wal Jamaah atau dikenali sebagai Sunni adalah golongan majoriti dalam dunia Islam yang **berpegang teguh kepada ajaran dibawa Nabi Muhammad dan difahami para sahabat Baginda. …**

Baginda bertitah, **Ahli Sunnah wal Jamaah** yang diikuti umat Islam **negara ini** termasuk **Terengganu** beraliran **al-Asya'irah** dan **al-Maturidiyah** daripada aspek akidah, bermazhab **Syafie** dan meraikan mazhab muktabar lain (syariah) dan **Imam Junaid al-Baghdadi** dan **Imam al-Ghazali** (tasawuf).

https://www.kosmo.com.my/2024/09/16/berpegang-teguh-dengan-ahli-sunnah-wal-jamaah-sultan-mizan/


Tafsiran Hukum Syarak Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka: Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Bersumberkan Aliran Al-Asyairah dan Al-Maturidiyah



UNDANG-UNDANG
NEGERI MELAKA

Enakmen A35

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA) (PINDAAN) 2022



4 *Undang-Undang Negeri Melaka* ENAKMEN A35

Pindaan seksyen 2

2. Subseksyen 2(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 7 tahun 2002*], yang disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan tafsiran "Hukum Syarak" dengan tafsiran yang berikut:

> "'Hukum Syarak" ertinya dari segi pegangan akidah hendaklah berdasarkan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersumberkan aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturudiyah*, dari segi Syariah mengikut Mazhab Shafie atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hambali atau melalui ijtihad hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa atas syor Majlis, diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan;".

Warta Kerajaan Negeri Melaka (2024) Melarang Amalan dan Ajaran Yang Berlawanan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Al-Asyairah dan Al-Maturidiyah

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

12hb September 2024 *TAMBAHAN No. 21 PERUNDANGAN*

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA) 2002

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

ASWJ Al-Asyairah dan Al-Maturidiyah

1. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar adalah dicegah, dan dilarang mempertikaikan amalan, dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturidiyah*.

ASWJ Al-Asyairah dan Al-Maturidiyah

2. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan adalah dicegah, dan dilarang menyebarkan amalan, dan akidah yang berlawanan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturidiyah*.

ASWJ Al-Asyairah dan Al-Maturidiyah

3. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar yang menjadi ahli jamaah atau pengikut amalan dan akidah yang bercanggah dengan Mazhab Syafie, dan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturidiyah* dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, sosial, politik dan sebagainya yang mempunyai unsur persamaan dengan amalan dan akidah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan, dan fahaman yang berlawanan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturidiyah*.

ASWJ Al-Asyairah dan Al-Maturidiyah

4. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar yang cuba menyebarkan aliran selain daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah sama ada melalui apa-apa medium, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur persamaan dengan amalan, dan akidah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan, dan fahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturidiyah*.

ASWJ Al-Asyairah dan Al-Maturidiyah

5. Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana amalan, dan akidah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur amalan, dan akidah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturidiyah* adalah disifatkan menyeleweng, dan bertentangan dengan ajaran Islam.

ASWJ Al-Asyairah dan Al-Maturidiyah

6. Mana-mana orang Islam adalah dicegah, dan dilarang dari menyebar, memiliki, menghebah, menerbit, mendengar atau mencetak apa-apa jua bahan publisiti atau sebaran yang menonjolkan amalan, dan akidah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran *al-Asyairah* dan *al-Maturidiyah* atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur amalan, dan akidah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.



MELAKA "Wilayah Ahli Sunnah Wal Jamaah"

7. Mana-mana orang Islam yang melakukan mana-mana perkara yang tertera di atas adalah melakukan suatu kesalahan, dan boleh diambil tindakan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Melaka.


Bertarikh 27 Ogos 2024

Dated 27 August 2024

[JMM/BFB600-1/8/2 JLD 3;PUNM.700-02/37 Jlid 4]

DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH
Pengerusi/Chairman
Majlis Agama Islam
Melaka

Deklarasi Ipoh 2023 Berkenaan
Ahli Sunnah Wal Jamaah



DEKLARASI IPOH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dengan tema "Memperkasa Ahli Sunah Waljamaah Sebagai Al-Firqah Al-Najiah" telah dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan dan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah bertempat di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak pada 10 - 12 Oktober 2023 bersamaan 25 - 27 Rabiulawal 1445H.

Muzakarah telah membuat deklarasi berikut:

Pertama: Ahli Sunah Waljamaah merujuk kepada umat Islam yang berpegang teguh dengan petunjuk Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan para sahabat Baginda رضي الله عنهم di dalam memahami dan mengamalkan agama Islam;

Kedua: Ahli Sunah Waljamaah adalah merupakan pegangan majoriti ulama' dan umat Islam sepanjang zaman semenjak generasi para *Salaf* dan *Khalaf* sehingga hari ini. Mereka disebut sebagai "*Al-Jama'ah*", "*Al-Sawad Al-A'zam*" dan "*Al-Firqah Al-Najiah*" yang telah diperintahkan oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم untuk umat Islam berpegang dengannya tatkala berlakunya perpecahan umat;

Ketiga: Ahli Sunah Waljamaah ialah golongan umat Islam yang berpegang dengan manhaj Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi serta ahli Athar di dalam bidang Akidah, dan beramal dengan mazhab yang muktabar di dalam bidang Fiqh, serta mengikut madrasah Imam Junayd al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali di dalam bidang Tasawuf;

Keempat: Manhaj Ahli Sunah Waljamaah adalah merupakan manhaj yang mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang di antara dalil naqli dan aqli serta berpegang dengan kaedah *Tafwid* dan *Takwil* bagi nas-nas *mutasyabihat*;

Kelima: Ahli Sunah Waljamaah menjadi pegangan seluruh ulama' muktabar daripada kalangan fuqaha', ahli hadith, ahli tafsir, ulama' tasawuf, ulama' lughah dan ulama' qiraat;

Keenam: Firqah-firqah bid'ah seperti Syiah, Khawarij, Mujassimah, Mushabbihah, Muktazilah, Batiniyyah, Liberalisme, Pluralisme, Sekularisme, Wahhabi, Salafiah Jihadiah, DAESH, Al-Ikhwan, Hizbut Tahrir dan sebarang fahaman yang membawa kepada fenomena takfir dan keganasan terkeluar daripada Ahli Sunah Waljamaah;

Ketujuh: Ahli Sunah Waljamaah juga adalah merupakan jati diri umat Islam di alam Melayu sejak kedatangannya dan menjadi warisan sehingga ke hari ini. Oleh itu, Ahli Sunah Waljamaah perlulah difahami, dihayati, dipelihara dan dilindungi serta usaha-usaha memperkasakan Ahli Sunah Waljamaah ini perlulah dilakukan secara menyeluruh dan berterusan.

SS. Dato' Haji Wan Zahidi bin Haji Wan Teh
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan
12 Oktober 2023 bersamaan 27 Rabiulawal 1445H



ديكلاراسي ايڤوه

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

مذاكرة سلطان نزرين معز الدين شاه دڠن تيما "ممڤركاس أهل السنة والجماعة سباكاين الفرقة الناجية" تله دأنجورکن اوليه جابتن مفتي نݢري فيراق دار الرضوان دان درسميکن اوليه دولي يڠ مها موليا ڤدوق سري سلطان فيراق دار الرضوان سلطان نزرين معز الدين شاه ابن المرحوم سلطان ازلن محب الدين شاه المغفور له برتمڤت د هوتيل کاسوارينا@ميرو، ايڤوه، ڤيراق ڤد 10 - 12 اوکتوبر 2023م برسامامن 27 - 25 ربيع الأول 1445هـ .

مذاكرة تله ممبوات ديکلاراسي برايکوت:

ڤرتام: أهل السنة والجماعة مروجوع کڤد اومت إسلام يڠ برڤڠکڠ تکوه دڠن ڤتونجوق رسول الله صلى الله عليه وسلم دان ڤارا صحابة يکيندا رضي الله عنهم د دالم ممهي دان مڠعملکن أکام إسلام؛

کدوا: أهل السنة والجماعة اداله مروفاکي ڤکاڠن ماجوريتي علماء دان اومت اسلام سڤنجڠ زمان سمنجق کيتراسي ڤارا سلف دان خلف سهيڤکک هاري اين. مريک دسبوت سباکاين "الجماعة" ، "السواد الأعظم" دان "الفرقة الناجية" يڠ تله دڤرينتهکن اوليه رسول الله صلى الله عليه وسلم اونتوق اومت إسلام برڤڠکڠ دڠن تنکالا برلاکونڽ فرڤجاهن اومت؛

کيمڤ: أهل السنة والجماعة اياله کولوڠن اومت إسلام يڠ برڤڠکڠ دڠن منهاج امام أبو الحسن الأشعري دان امام ابو منصور الماتريدي سرتا أهل الأثر د دالم يدڠ عقيدة، دان برڤمل دڠن مذهب يڠ معتبر د دالم بيدڠ ڤقه، سرتا مڠيکوت مدرسة امام جنيد البغدادي دان امام الغزالي د دالم بيدڠ تصوف؛

کامڤت: منهاج أهل السنة والجماعة اداله مروفاکي منهاج يڠ مڠمبيل ڤندکتن ڤرتڠهن دان سإيمبڠ د انتارا دليل نقلي دان عقلي سرتا برڤڠکڠ دڠن قاعده تفويض دان تأويل باکي نص۲ متشابهات؛

کليم: أهل السنة والجماعة منجادي ڤکاڠن سلوروه علماء معتبر درڤد کالڠن ڤقهاء، أهل حديث، أهل تفسير، علماء تصوف، علماء لغة دان علماء قراءة؛

کانم: فرقه۲ بدعة سڤرتي الشيعة، الخوارج، المجسمة، المشبهة، المعتزلة، الباطنية، ليبراليسمي، ڤلورليسمي، سکولاريسمي، الوهابي، السلفيه الجهاديه، داعش، الإخوان، حزب التحرير دان سبارڠ ڤمهن يڠ ممباوا کڤد ڤينوميا تکفير دان ککاناسان ترکلوار درڤد أهل السنة والجماعة؛

کتوجوه: أهل السنة والجماعة جوک اداله مروفاکي جاتي ديري اومت إسلام د عالم ملايو سجق کداتڠن دان منجادي واريثن سهيڤکک کهاريي اين. أهل السنة والجماعة ڤرلوله ڤهمي، دحياتي، دڤليهارا دان دليندوڠي سرتا اوسها۲ ممڤرکاسکن أهل السنة والجماعة اين ڤرلوله دلاکوکن سچارا مڤلوروه دان برترووسن.

صاحب السماحة داتوه حاج وان زاهدي بن وان ته
مفتي نݢري فيراق دار الرضوان
12 اوکتوبر 2023 برسامامن 27 ربيع الأول 1445هـ



بيان إيڤوه

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

بعون الله وفضله تم تنظيم مذاكرة السلطان نزرين معز الدين شاه بموضوع "تعزيز أهل السنة والجماعة كفرقة ناجية" من قبل إدارة المفتي بولاية فيراق دار الرضوان وقد تفضل بإعلان افتتاحها صاحب الجلالة السلطان نزرين معز الدين شاه ابن المرحوم السلطان أزلان محب الدين شاه المغفور له. و انعقدت المذاكرة في الفترة من 10 إلى 12 أكتوبر 2023 م الموافق 25 إلى 27 ربيع الأول 1445 هـ ، في فندق Casuarina@Meru، إيڤوه، فيراق.

وتوصلت المذاكرة التي انعقدت لمدة إلى البيان التالي:

أولا: يشير لقب أهل السنة والجماعة إلى أئمة المسلمين الذين تمسكون بيدي النبي صلى الله عليه وسلم وأصحابه رضي الله عنهم في فهم الإسلام وتطبيقه وممارسته؛

ثانيا: أصبح أهل السنة والجماعة عقيدة جمهور العلماء والمسلمين على مر العصور منذ عصر السلف والخلف حتى يومنا اليوم، و يعرف هذا اللقب – أي أهل السنة والجماعة - أيضا بـ "الجماعة" و "السواد الأعظم" و "الفرقة الناجية" التي أمر رسول الله صلى الله عليه وسلم المسلمين بالالتزام بها عند افتراق الأمة بعضها من بعض؛

ثالثا: أهل السنة والجماعة هم أئمة الإسلام الذين يلتزمون بمنهج الإمام أبي الحسن الأشعري والإمام أبي منصور الماتريدي وأهل الأثر عقيدة، ويتبعون المذاهب المعتبرة فقها، و يسلكون مسلك الإمام الجنيد البغدادي والإمام الغزالي تصوفا؛


رابعا: يتبنج أهل السنة والجماعة منهجاً وسطاً و معتمد في الاستدلال على الحجج النقلية والعقلية متوازنا بينها، ويلتزم بأسلوب التفويض والتأويل للنصوص المتشابهة؛

خامسا: عقيدة أهل السنة والجماعة يعتقدها جميع العلماء الموثوقين من الفقهاء وأهل الحديث وعلماء التفسير وأهل التصوف وأهل اللغة وعلماء القراءات؛

سادسا: وطوائف البدع أمثال الشيعة والخوارج والمجسمة والمشبهة والمعتزلة والباطنية والليبرالية والعلمانية والتعددية الدينية والوهابية والسلفية الجهادية وداعش والإخوان وحزب التحرير وأي عقيدة تؤدي إلى ظاهرة التكفير والعنف تخالف أهلَ السنة والجماعة؛

سابعا: أصبح أهل السنة والجماعة هوية لأئمة المسلمين في العالم الملايوي منذ وصوله و إرثًا لهم حتى اليوم. ولذلك، فإن عقيدة أهل السنة والجماعة بحاجة ماسة إلى الفهم، والاعتزاز بها، والحفاظ عليها وحمايتها كما يجب أن تتم الجهود المبذولة لتعزيز أهل السنة والجماعة بشكل شامل ومستمر.

صاحب السماحة داتوه حاج وان زاهيدي وان ته
المفتي فيراق دار الرضوان
12 أكتوبر 2023 م \ الموافق 27 ربيع الأول 1445 هـ



IPOH DECLARATION

In the name of Allah, the Most Gracious, the Most Merciful.
All praise is due to the Almighty Allah, the Lord of all worlds, and may peace and blessings be upon our Prophet Muhammad, his families and companions.

With the help and grace of Allah, the Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Conference on the topic "Empowering Ahlu Sunah Wa Al Jamaah as the Saved Sect" was successfully organized by the Office of the State Mufti of Perak Darul Ridzuan. It was inaugurated by His Royal Highness Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. The conference took place from October 10th to 12th, 2023, corresponding to 25th to 27th Rabiulawal 1445 H, at the Casuarina@Meru Hotel in Ipoh, Perak.

The conference, concluded with the following statements:

First: The term "Ahlu Sunah Waljamaah" refers to the scholars of Islam who adhere to the guidance of the Prophet Muhammad, peace be upon him, and his companions, may Allah be pleased with them, in understanding, practicing, and embodying Islam;

Second: The "Ahlu Sunah Waljamaah" have been the creed of the majority of scholars and Muslims throughout the ages, from the era of the predecessors and successors until today. This title is also known as the "Al Jamaah" "the Great Majority," and "the Saved Sect," which the Prophet Muhammad, peace be upon him, instructed Muslims to adhere to in times of division within the Ummah;

Third: The "Ahlu Sunah Waljamaah" are the Islamic scholars who adhere to the methodology of Al-Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari and Al Imam Abu Mansur al-Maturidi in creed, follow reputable schools of jurisprudence, and tread the path of Al-Imam al-Junaid Baghdadi and Al-Imam al-Ghazali in Sufism;

Fourth: The "Ahlu Sunah Waljamaah" follow a moderate approach, relying on both textual and rational evidence in a balanced manner. They adhere to the method of delegation and interpretation for the ambiguous texts;

Fifth: The creed of the "Ahlu Sunah Waljamaah" is affirmed by all trustworthy (authorized) scholars, including jurists, hadith scholars, scholar of interpretation, Sufis, linguists, and scholars of Quranic recitations;

Sixth: The Sects of heretics, such as the Shia, Khawarijites, anthropomorphists, assimilators, Mu'tazilites, esotericists, liberals, secularists, religious pluralists, Wahhabis, jihadist Salafis, ISIS, the Al Ikhwan and Hizbut Tahrir, or any creed leading to the phenomena of excommunication (takfir) and violence, deviated from the path of the "Ahlu Sunah Waljamaah";

Seventh: The identity of the "Ahlu Sunah Waljamaah" has become a legacy for Muslim leaders in the Malay world since its arrival. Therefore, understanding, pride in, preservation, and protection of the creed of the "Ahlu Sunah Waljamaah" are urgently needed. Efforts must also be made to comprehensively and continuously empower them.

SS. Dato' Haji Wan Zahidi bin Haji Wan Teh
Mufti of Perak Darul Ridzuan
October 12, 2023 / 27 Rabiulawal 1445 H

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dengan tema "Memperkasa Ahli Sunnah Wal Jama'ah Sebagai Al-Fiqah Al-Najiah" telah dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan dan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al- Maghfur-Lah bertempat di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak pada 10-12 Oktober 2023 Masihi bersamaan 25-27 Rabi'ul Awwal 1445 Hijrah.

Muzakarah yang berlangsung selama tiga hari ini telah membuat deklarasi berikut:

[1] Ahli Sunnah Wal Jama'ah merujuk kepada umat Islam yang berpegang teguh dengan petunjuk Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan para sahabat baginda رضي الله عنهم di dalam memahami dan mengamalkan agama Islam.

[2] Ahli Sunnah Wal Jama'ah adalah merupakan pegangan majoriti ulama' dan umat Islam sepanjang zaman semenjak generasi para Salaf dan Khalaf sehingga hari ini. Mereka disebut sebagai "Al-Jama'ah", "Al- Sawad Al-A'zam" dan "Al-Firqah Al-Najiah" yang telah diperintahkan oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم untuk umat Islam berpegang dengannya tatkala berlakunya perpecahan umat.

[3] Ahli Sunnah Wal Jama'ah ialah golongan umat Islam yang berpegang dengan manhaj Imam Abu al-Hasan Al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi serta ahli Athar di dalam bidang akidah, dan beramal dengan mazhab yang muktabar di dalam bidang fiqh, serta mengikut madrasah Imam Junayd al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali di dalam bidang tasawuf.

[4] Manhaj Ahli Sunnah Wal Jama'ah adalah merupakan manhaj yang mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang di antara dalil naqli dan aqli serta berpegang dengan kaedah Tafwid dan Takwil bagi nas-nas mutashabihat.

[5] Ahli Sunnah Wal Jama’ah menjadi pegangan seluruh ulama’ muktabar daripada kalangan fuqaha’, ahli hadith, ahli tafsir, ulama’ tasawuf, ulama’ lughah dan ilmu qiraat.

[6] Firqah-firqah bid’ah seperti Syiah, Khawarij, Mujassimah, Mushabbihah, Muktazilah, Batiniyyah, Liberalisme, Pluralisme, Sekularisme, Wahhabi, Salafiah Jihadiah, DAESH, Al-Ikhwan, Hizbut Tahrir dan sebarang fahaman yang membawa kepada fenomena takfir dan keganasan terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jama’ah.


[7] Ahli Sunnah Wal Jama'ah juga adalah merupakan jati diri umat Islam di alam Melayu sejak kedatangannya dan menjadi warisan sehingga ke hari ini. Oleh itu, Ahli Sunnah Wal Jama'ah perlulah difahami, dihayati, dipelihara dan dilindungi serta usaha-usaha memperkasakan Ahli Sunnah Wal Jama'ah ini perlulah dilakukan secara menyeluruh dan berterusan.

Dato’ Wan Zahidi Wan Teh

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

12 Oktober 2023 bersamaan 27 Rabi’ul Awwal 1445 Hijrah

GARIS PANDUAN KANDUNGAN BERUNSUR ISLAM DALAM MEDIA BAHARU (JAKIM, 2024)



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
TAHUN 2024

JAKIM

GARIS PANDUAN KANDUNGAN BERUNSUR ISLAM DALAM MEDIA BAHARU

جابتن كماجوان إسلام ميسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TAFSIRAN

4. Bagi maksud garis panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

Akhlak

Ertinya kelakuan, tabiat, adab dan budi pekerti yang berasaskan ajaran Islam dan peraturan yang ditetapkan melalui al-Quran dan al-Sunnah.

Akidah Islamiah

Ertinya pegangan ataupun kepercayaan dalam agama Islam berdasarkan akidah pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Ajaran Islam

Ertinya sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk menurut pegangan yang berlandaskan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Ahli Sunnah wal-Jamaah

Ertinya dari segi akidah berpandukan mazhab al-Asya'irah dan al-Maturidiah, dari segi syariah berpandukan mazhab muktabar mazhab Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali dan dari segi tasawuf hendaklah berpegang kepada Imam Junaid al-Bahgdadi dan Imam al-Ghazali serta aliran tasawuf muktabar.

Ajaran Sesat

Ertinya sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikat ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Pahang 2024 Berkenaan Ahli Sunnah Wal Jamaah

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang yang bersidang pada 25 November 2024 menetapkan bahawa pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dipersetujui dan diamalkan ialah manhaj Al-Asha'irah dan Al-Maturidiah.

Berikut adalah ciri-ciri umum Ahli Sunnah Wal Jamaah:

[1] Menetapkan sifat-sifat kesempurnaan yang layak bagi zat Allah ﷻ.

[2] Mensucikan (taqdis) secara mutlak zat dan sifat Allah ﷻ daripada kekurangan.

[3] Menjaga adab yang tinggi terhadap Rasulullah ﷺ dan mengiktikadkan bahawa Baginda ﷺ adalah makhluk Allah ﷻ yang paling mulia.

[4] Menyintai dan menghormati ahli keluarga Rasulullah ﷺ dan semua sahabat Baginda.

[5] Pegangan majoriti ulama' umat Islam sejak dahulu sehingga kini.

[6] Pegangan majoriti umat Islam sejak dahulu sehingga kini.

[7] Golongan pertengahan (wasatiyyah) antara dua sisi pegangan yang melampau seperti antara Jabariah dan Qadariah, atau antara Mujassimah dan Mu'attilah, atau antara Syiah dan Khawarij.

[8] Tidak mengkafirkan umat Islam kerana melakukan dosa, apatah lagi kerana melakukan amalan-amalan sunat, perkara khilāfiyyah dan adab dalam ibadah dan berdoa seperti tawassul, tabarruk dan istighāthah.

[9] Menghormati perbezaan pandangan di kalangan umat dan berlapang dada dalam perkara khilāfiyyah namun bertegas dalam asas akidah.

[10] Tidak mengkafirkan atau menyesatkan atau mencaci para ulama' dan orang-orang soleh.

[11] Tidak mengkafir dan menyesatkan umat Islam (ahli kiblat) kecuali diputuskan oleh pihak yang berautoriti.

[12] Tidak melakukan pemberontakan (bughah) dan menimbulkan kekacauan ke atas raja pemerintah dan umat Islam.

[13] Menegakkan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.

[14] Beramal dengan mazhab Syafie dan meraikan tiga mazhab fiqah Sunni (Hanafi, Maliki dan Hanbali) dalam konteks negeri Pahang.

[15] Beramal dengan tasawuf yang muktabar sebagaimana huraian Imam Junaid dan Imam Ghazali dalam konteks negeri Pahang.

NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78 No. 13 | **25hb Mac 2025** | *TAMBAHAN No. 5 PERUNDANGAN*

Phg. P.U. 9.

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

PENETAPAN PEGANGAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH
ALIRAN AL-ASYAIRAH DAN AL-MATURIDIYAH DI NEGERI PAHANG

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang yang bermesyuarat pada 25 November 2024 menetapkan bahawa pegangan Ahli Sunnah Waljamaah yang dipersetujui dan diamalkan ialah aliran al-Asyairah dan al-Maturidiyah. Berikut adalah ciri-ciri umum pegangan Ahli Sunnah Waljamaah:

1. Menetapkan sifat-sifat kesempurnaan yang layak bagi zat Allah SWT.

2. Mensucikan *(tanzih* dan *taqdis)* secara mutlak zat dan sifat Allah SWT daripada kekurangan dengan menyerahkan makna *nas mutashabihat (tafwid)* sebagaimana pegangan Salaf, dan mengharuskan tafsir makna (takwil) yang bersesuaian dengan Bahasa Arab sebagaimana pendekatan Khalaf.

3. Menjaga adab yang tinggi terhadap Rasulullah SAW dan mengiktikadkan bahawa Baginda SAW adalah makhluk Allah SWT yang paling mulia.

4. Mencintai dan menghormati ahli keluarga Rasulullah SAW dan semua sahabat Rasulullah SAW.

5. Pegangan majoriti ulama umat Islam sejak dahulu sehingga kini.

6. Golongan pertengahan *(wasatiyah)* antara dua sisi pegangan yang melampau seperti Jabariah dengan Qadariah atau Mujassimah dengan Mu'attilah atau Syiah dengan Khawarij.

7. Tidak mengkafirkan umat Islam kerana melakukan dosa, apatah lagi kerana melakukan amalan-amalan sunat, perkara khilafiyah dan adab dalam ibadah dan berdoa seperti *tawassul*, *tabarruk* dan *istighāthah*.

8. Menghormati perbezaan pandangan di kalangan umat dan berlapang dada dalam perkara khilafiyah namun bertegas dalam asas akidah.

9. Tidak mengkafirkan atau menyesatkan atau mencaci para ulama dan orang-orang soleh.

10. Tidak mengkafir dan menyesatkan umat Islam (ahli kiblat) kecuali diputuskan oleh pihak yang berautoriti.

11. Tidak melakukan pemberontakan (bughah) dan menimbulkan kekacauan ke atas raja pemerintah dan umat Islam.

12. Menegakkan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.

13. Beramal dengan mazhab Syafii dan meraikan tiga mazhab fiqah Sunni (Hanafi, Maliki dan Hanbali) dalam konteks negeri Pahang.

14. Beramal dengan tasawuf yang muktabar sebagaimana huraian Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali dalam konteks negeri Pahang.

Bertarikh pada 19 Mac 2025
[JMNP:C FT 351/600/59 JLD2]

PROFESOR DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM
Mufti Negeri Pahang

Jawatankuasa Muzakarah MKI Menjelaskan **Kewajipan** Berpegang dengan **Ahli Sunnah Wal Jamaah** dan Memperincikan **Manhaj ASWJ di Malaysia** (2024)


"(e) Umat Islam hendaklah berpegang kepada pegangan Ahli Sunah Waljamaah:

- dari aspek akidah berdasarkan manhaj Asyairah dan Maturidiah,

- dari segi syariah berpandukan mazhab Shafie serta mazhab muktabar yang lain seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali.

Manakala:

- dari segi tasawuf/ akhlak berpandukan manhaj Imam al-Junaid, Imam al-Ghazali serta aliran tasawuf yang sahih dan muktabar."



Kenyataan Media
Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah MKI
Disember 2024

مذاكرة
مجلس بحث المسائل الحوالي الكبرى إسلام وليسيا

KENYATAAN MEDIA
PENGERUSI JAWATANKUASA MUZAKARAH
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA (MKI)
BERKENAAN
KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA MUZAKARAH MKI BERHUBUNG AJARAN MHD MOHIB KHOULI NAZEM

Tarikh: Disember 2024

(e) Umat Islam hendaklah berpegang kepada pegangan Ahli Sunah Waljamaah dari aspek akidah berdasarkan manhaj Asyairah dan Maturidiah, dari segi syariah berpandukan mazhab Shafie serta mazhab muktabar yang lain seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali. Manakala dari segi tasawuf/ akhlak berpandukan manhaj Imam al-Junaid, Imam al-Ghazali serta aliran tasawuf yang sahih dan muktabar; dan


2. JAKIM sebagai badan penyelaras telah menyembah maklum pandangan hukum tersebut kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan seterusnya ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-267 pada 23 - 24 Oktober 2024. Dalam hal ini, **Mesyuarat Majlis raja-Raja mengambil maklum** mengenai pandangan hukum yang telah dipersetujui dan pihak berkuasa negeri-negeri boleh mempertimbangkan keputusan ini bagi tujuan pewartaan fatwa di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(YANG BERHORMAT DATO' (DR.) HAJI NOOH BIN GADOT)
Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah
Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI)

Warta Kerajaan Negeri **Selangor** Berkenaan Manhaj **Ahli Sunnah Wal Jamaah** (2025)



جابتن مفتي نكري سلاغور

WARTA KERAJAAN

Sel. P.U. 21. **17hb Jun 2025**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan pernyataan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual sebagai fatwa dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

JADUAL

FATWA BERKAITAN *AHLI SUNNAH WAL JAMAAH*

1. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merujuk kepada orang Islam yang berpegang dengan fahaman dan amalan agama yang benar dan diwarisi daripada Rasulullah SAW dan para sahabat RA melalui para ulama muktabar daripada generasi *salaf* dan *khalaf* sehingga ke hari ini.

2. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merupakan jalan keselamatan dan perpaduan umat Islam yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW untuk umat Islam berpegang dengannya ketika berlaku fitnah perpecahan umat. Ia merupakan pegangan majoriti ulama dan umat Islam berdasarkan perkataan "*al-Jama'ah*" dan "*al-Sawad al-A'zam*" dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.


3. Para ulama dan umara *Ahli Sunnah Wal Jamaah* telah memainkan peranan penting dalam—

   (a) pembangunan institusi pendidikan, pentadbiran Islam dan institusi kehakiman;

   (b) pelaksanaan jihad, amar makruf dan nahi mungkar; dan

   (c) perkembangan ilmu dalam setiap bidang ilmu Islam merangkumi akidah, fiqah, tasawuf, qiraat, tafsir, hadis, usul fiqh, ulum al-Quran, ulum hadis, bahasa dan kesusasteraan Arab.

1/2



جابتن مفتي نكري سلاغور

WARTA KERAJAAN

4. Para ulama dan umara *Ahli Sunnah Wal Jamaah* juga memberi sumbangan yang besar bagi memelihara fahaman dan amalan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* sejak zaman dahulu sehingga hari ini.

5. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merupakan pegangan dan amalan agama yang telah diamalkan oleh para sultan, ulama, qadi dan rakyat jelata sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga hari ini.

6. Di Negeri Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan dan ulama telah berpegang, mengamalkan dan menyebarkan pegangan dan amalan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* serta menjadikannya sebagai syiar agama.

7. Tafsiran *Ahli Sunnah Wal Jamaah* adalah berdasarkan perkara berikut:

   (a) dari sudut akidah dan tauhid, mengikut manhaj Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari, Imam Abu Mansur al-Maturidi, ulama al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah;

   (b) dari sudut syariah dan fiqah, mengikut mazhab Imam al-Shafi'i atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali atau ijtihad hukum oleh Jawatankuasa Fatwa; dan

   (c) dari sudut akhlak dan tasawuf, mengikut manhaj Imam Junaid al-Baghdadi, Imam al-Ghazali atau ulama sufi yang muktabar.

8. Mana-mana orang Islam dilarang untuk mengamalkan dan menyebarkan sebarang fahaman dan amalan yang bertentangan dengan pegangan dan amalan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.

Bertarikh 28 Mei 2025

[MAIS/BUU/600-6/1/53; P.U. Sel (ADV) PS.05/4/12]

Dengan Titah Perintah

DATO' SETIA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor

2/2



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78 No. 25	**17hb Jun 2025**	*TAMBAHAN No. 15* *PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 21.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan pernyataan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual sebagai fatwa dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1 of 2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan, prepare the statement as specified in the Schedule as *fatwa* and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

FATWA BERKAITAN *AHLI SUNNAH WAL JAMAAH*

1. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merujuk kepada orang Islam yang berpegang dengan fahaman dan amalan agama yang benar dan diwarisi daripada Rasulullah SAW dan para sahabat RA melalui para ulama muktabar daripada generasi *salaf* dan *khalaf* sehingga ke hari ini.

2. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merupakan jalan keselamatan dan perpaduan umat Islam yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW untuk umat Islam berpegang dengannya ketika berlaku fitnah perpecahan umat. Ia merupakan pegangan majoriti ulama dan umat Islam berdasarkan perkataan "*al-Jama'ah*" dan "*al-Sawad al-A'zam*" dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.

3. Para ulama dan umara *Ahli Sunnah Wal Jamaah* telah memainkan peranan penting dalam—

   (a) pembangunan institusi pendidikan, pentadbiran Islam dan institusi kehakiman;

   (b) pelaksanaan jihad, amar makruf dan nahi mungkar; dan

   (c) perkembangan ilmu dalam setiap bidang ilmu Islam merangkumi akidah, fiqah, tasawuf, qiraat, tafsir, hadis, usul fiqh, ulum al-Quran, ulum hadis, bahasa dan kesusasteraan Arab.

4. Para ulama dan umara *Ahli Sunnah Wal Jamaah* juga memberi sumbangan yang besar bagi memelihara fahaman dan amalan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* sejak zaman dahulu sehingga hari ini.

5. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merupakan pegangan dan amalan agama yang telah diamalkan oleh para sultan, ulama, qadi dan rakyat jelata sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga hari ini.

6. Di Negeri Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan dan ulama telah berpegang, mengamalkan dan menyebarkan pegangan dan amalan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* serta menjadikannya sebagai syiar agama.

7. Tafsiran *Ahli Sunnah Wal Jamaah* adalah berdasarkan perkara berikut:

   (a) dari sudut akidah dan tauhid, mengikut manhaj Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari, Imam Abu Mansur al-Maturidi, ulama al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah;

   (b) dari sudut syariah dan fiqah, mengikut mazhab Imam al-Shafi'i atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali atau ijtihad hukum oleh Jawatankuasa Fatwa; dan

   (c) dari sudut akhlak dan tasawuf, mengikut manhaj Imam Junaid al-Baghdadi, Imam al-Ghazali atau ulama sufi yang muktabar.

FATWA BERKAITAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

1. Ahli Sunnah Wal Jamaah merujuk kepada orang Islam yang berpegang dengan fahaman dan amalan agama yang benar dan diwarisi daripada Rasulullah SAW dan para sahabat RA melalui para ulama muktabar daripada generasi salaf dan khalaf sehingga ke hari ini.

2. Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan jalan keselamatan dan perpaduan umat Islam yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW untuk umat Islam berpegang dengannya ketika berlaku fitnah perpecahan umat. Ia merupakan pegangan majoriti ulama dan umat Islam berdasarkan perkataan "al-Jama'ah" dan "al-Sawad al-A'zam" dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud Ahli Sunnah Wal Jamaah.

3. Para ulama dan umara Ahli Sunnah Wal Jamaah telah memainkan peranan penting dalam –

(a) pembangunan institusi pendidikan, pentadbiran Islam dan institusi kehakiman;

(b) pelaksanaan jihad, amar makruf dan nahi mungkar; dan

(c) perkembangan ilmu dalam setiap bidang ilmu Islam merangkumi akidah, fiqah, tasawuf, qiraat, tafsir, hadis, usul fiqh, ulum al-Quran, ulum hadis, bahasa dan kesusasteraan Arab.

4. Para ulama dan umara Ahli Sunnah Wal Jamaah juga memberi sumbangan yang besar bagi memelihara fahaman dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah sejak zaman dahulu sehingga hari ini.

5. Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan pegangan dan amalan agama yang telah diamalkan oleh para sultan, ulama, qadi dan rakyat jelata sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga hari ini.

6. Di Negeri Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan dan ulama telah berpegang, mengamalkan dan menyebarkan pegangan dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menjadikannya sebagai syiar agama.

7. Tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah berdasarkan perkara berikut:

(a) dari sudut akidah dan tauhid, mengikut manhaj Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari, Imam Abu Mansur al-Maturidi, ulama al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah;

(b) dari sudut syariah dan fiqah, mengikut mazhab Imam al-Shafi'i atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali atau ijtihad hukum oleh Jawatankuasa Fatwa; dan

(c) dari sudut akhlak dan tasawuf,mengikut manhaj Imam Junaid al-Baghdadi, Imam al-Ghazali atau ulama sufi yang muktabar.

8. Mana-mana orang Islam dilarang untuk mengamalkan dan menyebarkan sebarang fahaman dan amalan yang bertentangan dengan pegangan dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Warta Kerajaan Negeri Selangor bagi Pindaan 2025 (Enakmen Pentadbiran Agama Islam)



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78 No. 34 | **18hb Ogos 2025** | *TAMBAHAN No. 1 ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara LXXVIII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor:

The following Enactment, passed by the Selangor State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Selangor, is published pursuant to Clause (4) of Article LXXVIII of the Second Part of the Laws of the Constitution of Selangor:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A86	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2025
Enactment A86	Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2025



UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A86

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2025

Pindaan seksyen 2

2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*], yang disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dengan memasukkan selepas tafsiran "ahli kariah" dengan tafsiran yang berikut:

" *"Ahli Sunnah Wal Jamaah"* ertinya mana-mana orang Islam yang berpegang dengan ajaran Islam iaitu dalam hal berkaitan—

(a) akidah dan tauhid, mengikut manhaj Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari, Imam Abu Mansur al-Maturidi, ulama al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah;

(b) syariah dan fiqah, mengikut Mazhab Imam al-Shafi'i atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali atau ijtihad hukum oleh Jawatankuasa Fatwa; dan

(c) akhlak dan tasawuf, mengikut manhaj Imam Junaid al-Baghdadi, Imam al-Ghazali atau ulama sufi yang muktabar;"; dan

(b) dengan menggantikan tafsiran "Hukum Syarak" dengan tafsiran yang berikut:

" "Hukum Syarak" ertinya ajaran Islam yang merangkumi—


(a) akidah dan tauhid;

(b) syariah dan fiqah; dan

(c) akhlak dan tasawuf;".

Mufti Perlis Pertama (1941-1945) Syeikh Mahmud Haji Muhd. Saman al-Shafi'i al-Ash'ari al-Farlisi al-Azhari:

Penyusun Ilmu Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah ialah al-Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari dan al-Imam Abu Mansur al-Maturidi serta Ulama' Yang Mengikut Manhaj Mereka Berdua



(كتاب)

الخلاصة السنية — شرح متن السنوسية

مسلكندى اولية

يغ ساءلت برحاجت كفدا رحمة الكريم

التواب محمود سمان الفرلسى الازهرى

غفر الله له ولوالديه ولجميع المسلمين

آمين

ورسالته متن السنوسية فى علم التوحيد تأليف

الامام ابى عبدالله محمد بن يوسف السنوسى الحسنى

غدا الله به والمسلمين آمين

(كتاب أول الالبيب ● يفيد الطالبين بلا توقف)


(إبحث لكم دراسة ولكن ● حقوق الطبع محفوظة للمؤلف)

طبع بمطبعة التقدم الشرقية بمصر

على نفقة أصحابها

ورثة المرحوم السيد محمد عبد الواحد بك الطوبى

الطوبى بجوار القطب الدردير بمصر المحمية



٣


سكل رسلن دان يغ منتعلوقكن ايت مليا اى دغن كلميأن تمفة يغد تعلوقكنن (ونسبته) يعني دغن دبغسا كندى كفدا يغلايغن يائت بهواسن اين علم اصل باكى سكل علم أو كمادان سكل علم يغلاين درفدان ايت چاواغ درفدان (وواضعه) يعني اورغيغ مهنتراين علم يائت ابوالحسن الاشعرى دان مريك يغ مغيكوتكندى دان ابومنصور الماتريدى دان مريك يغ مغيكوتكندى (واسمه) يعني نما اين علم • يائت علم اصول الدين. علم توحيد. علم الكلام. علم الفقه الاكبر (واستمداده) يعنى تمفت امبيل اين علم يائت درفدا بيراف دليل عقلية دان نقلية • (وحكمه) يعني حكم اين علم يائت واجب عين اتس تيف ٢ مكلف سما ادا لاكى ٢ اتو فرمفوان مردهكا اتو همبا (ومسائله) يعني سكل مسئله اين علم

Beliau menyebut di dalam kitabnya "al-Khulasah al-Saniyyah Sharh Matn al-Sanusiyyah", hal. 3, [cetakan Mesir – Warathat al-Marhum al-Sayyid Muhammad 'Abd al-Wahid Bik al-Tuba"]:

"(وواضعه) yakni, orang yang menghantar (mula menyusun) ini ilmu (Tauhid/ Akidah) iaitu Abu al-Hasan al-Ash'ari dan mereka yang mengikutkan dia (ulama' Al-Asha'irah) dan Abu Mansur al-Maturidi dan dan mereka yang mengikutkan dia (ulama' Al-Maturidiyyah)."

RUMUSAN

Ahli Sunnah Wal Jamaah:
Manhaj Ulama’ dan Umara’ Tanah Melayu (Malaysia)



وَاللهُ أَعْلَمُ وَعِلْمُهُ أَتَمُّ

Allah Maha Mengetahui dan
Ilmu-Nya Maha Sempurna

Sekian, terima kasih.